کورسوس کفهمن اسلام

Modul KEFAHAMAN ISLAM

04

TUNTUTAN 2 KALIMAH SYAHADAH DAN PERKARA-PERKARA YANG MEROSAKKANNYA

Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pengurusan)
Institut Pemikiran Tok Guru Dato Bentara' Setia (IPTG)
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
Institut Latihan Darulnaim (ILDAN)

EDITORIAL KEFAHAMAN ISLAM

Cetakan Pertama Ramadan 1445h | Mac 2024
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

Hak Cipta Terpelihara: Tidak dibenarkan sesiapa jua mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain **sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.**

Penerbit
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia
Tingkat Bawah, Blok Dewan Negeri, Kota Darulnaim
15503 Kota Bharu, Kelantan

Penaung
YAB Dato' Panglima Perang
Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Daud

Penyelaras
Unit Latihan Dan Pembinaan Modul
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

Panel Penyusun
Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Bin Mat
Siti Nur Amirah Binti Fauzi
Nur Syazana Athirah Binti Izazi

Pereka Grafik & Rekaan Kulit
Wan Muhammad Faizat bin Wan Mohd Sanusi

ISI KANDUNGAN

Minggu	Tajuk	Muka surat
1	Tuntutan Dua Kalimah Syahadah	2
2	Wala' dan Bara' dalam Dua Kalimah Syahadah	10
	Definisi Wala' dan Bara'	10
	Bahagian Wala' dan Bara'	11
	Kedudukan Wala' dan Bara' dalam Islam	12
3	Kelebihan Wala' dan Bara'	19
4	Pembahagian Manusia Berdasarkan Wala' dan Bara'	27
	Perkara-Perkara yang Merosakkan dan Membatalkan Syahadah	30
	Syirik	30
	Syirik Besar	31
5	Syirik Kecil	36
	Perbezaan Antara Syirik Besar dan Syirik Kecil	39
	Keburukan Syirik	40
6	Kufur	44
7	Nifaq	50
	Fasiq	54
8	Murtad/ Riddah	58
	Jenis-Jenis Murtad	59
	Perkara-Perkara yang Boleh Membawa kepada Murtad	59
	Hukum-Hukum Berkaitan Murtad	66

MINGGU 1



1.0 Tuntutan Dua Kalimah Syahadah



Setelah kita mempelajari dan memahami rangkap kedua syahadah iaitu وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَّسُوْلُ الله, modul ini diteruskan lagi dengan mempelajari dan mendalami Tuntutan Dua Kalimah Syahadah dan Perkara-Perkara yang Merosakkan dan Membatalkan Syahadah.

Apabila seseorang itu telah mengucap dua kalimah syahadah, beriman dengan segala rukun Iman serta mengakui dan meyakini Islam sebagai agama, maka terdapat tuntutan dan kewajipan yang wajib dilaksanakan iaitu:

1. Taat dan patuh kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW dalam semua perkara dengan melaksanakan suruhan dan menjauhi segala larangan sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.* [al-Nisa': 59]

Ketaatan kepada Allah SWT dan rasulNya adalah bersifat mutlak tanpa sebarang bantahan. Sesiapa yang mentaati Rasulullah SAW dengan sebenar maka sesungguhnya dia telah mentaati Allah SWT sepertimana firmanNya:

﴿مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّى فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ﴿٨٠﴾﴾

Maksudnya: *Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah; dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Rasulullah), kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan).* [al-Nisa': 80]

2. Yakin dan menerima dengan sungguh-sungguh segala apa yang datang daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW tanpa sebarang keraguan. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿١٥﴾﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya)* [al-Hujurat: 15]

Oleh itu, setiap perkara yang disampaikan oleh Rasulullah SAW melalui al-Quran dan al-Sunnah adalah kebenaran yang mutlak dari Allah SWT yang bebas dari segala kesangsian. Firman Allah SWT:

﴿قُلْ هَٰذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada ugama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain."* [Yusuf: 108]

3. Wajib mematuhi dan mengimani hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW sebagai hukum tertinggi di dalam kehidupan umat Islam. Firman Allah SWT:

﴿فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾﴾

Maksudnya: *Maka demi Tuhanmu (wahai Rasulullah)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan (tidak berpuas hati) dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.* [al-Nisa`: 65]

Menurut riwayat Imam al-Bukhari, Ibn Kathir dan ahli tafsir yang lain, ayat di atas diturunkan kerana seorang sahabat bernama Zubair bin Al-Awwam dan seorang lelaki ansar. Mereka telah berselisih faham tentang masalah pengairan tanah di sungai kecil di Madinah. Zubair meminta air itu mengalir ke kebunnya tetapi orang Ansar itu ingin menggunakannya juga. Maka mereka berdua membawa perkara itu dan bertanya kepada Rasulullah SAW. Rasulullah memutuskan agar Zubair menggunakan air itu terlebih dahulu kemudian diberikan pula kepada lelaki Ansar tersebut. Namun, keputusan yang dibuat Rasulullah menyebabkan lelaki Ansar itu tidak berpuas hati. Lalu Rasulullah bersabda kepada Zubair untuk mengambil haknya dengan

sepenuhnya. Maka Allah menurunkan ayat ini bagi menegaskan bahawa keimanan sebenar seseorang itu mesti disertai dengan keredaan terhadap hukum dan keputusan Rasulullah SAW.

4. Wajib melaksanakan syariat Islam sebagaimana diturunkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dan sunnah rasulNya.

Setiap orang hendaklah berusaha untuk melaksanakan syariat Islam mengikut kemampuan yang ada. Orang yang tidak berusaha untuk melaksanakannya adalah berdosa. Hal ini kerana syariat dan hukum Allah SWT adalah yang terbaik dan sempurna sepertimana dalam firmanNya:

﴿وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ **فَاحْكُمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ لِكُلٍّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا** وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ﴿٤٨﴾

Maksudnya: *Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Rasulullah) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya.* ***Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada diantara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan ugama (yang wajib diikuti oleh masing-masing).*** *Dan kalau Allah menghendaki nescaya la menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam ugama yang satu), tetapi la hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka la akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya(48)* [al-Maidah: 48]

وَأَنِ احْكُمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرْهُمْ أَنْ يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَاعْلَمْ أَنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُصِيبَهُمْ بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ وَإِنَّ كَثِيرًا مِنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ﴿٤٩﴾ أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ﴿٥٠﴾﴾

Maksudnya: ***Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu.*** *Kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, hanyasanya Allah mahu menyeksa mereka dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka; dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik(49) Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum jahiliyah? Padahal - kepada orang-orang yang penuh keyakinan - tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih pada daripada Allah* [al-Maidah: 49-50]

Justeru, setiap orang Islam wajib berusaha untuk merealisasikan syariat Islam mengikut kemampuan masing-masing sebagaimana telah ditunjukkan secara jelas oleh Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian. Firman Allah SWT:

﴿مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ **وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا** وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴿٧﴾﴾

Maksudnya: *Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya(Nabi Muhammad SAW) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu.* ***Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya.*** *Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).* [al-Hasyr: 7]

Untuk merealisasikan syariat tadi, maka hendaklah kita berusaha mengajak masyarakat kepada merealisasikan Islam dengan melakukan amar makruf nahi mungkar dan berjihad untuk menegakkan Islam. Perintah ini sebagaimana terkandung dalam firman Allah SWT:

﴿وَلۡتَكُن مِّنكُمۡ أُمَّةٞ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلۡخَيۡرِ وَيَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ١٠٤﴾

Maksudnya: *Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya* [Ali ‘Imran:104]

Oleh itu, sesiapa yang melaksanakan tanggungjawabnya mengajak orang ramai untuk merealisaikan syariat Islam dalam kehidupan, maka dia adalah orang yang terbaik. Allah SWT berfirman:

﴿وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ٣٣﴾

Maksudnya: *Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"* [Fussilat: 33]

Untuk merealisasikan syariat Islam ini perlu ada pemimpin dan negara sebagaimana nabi mengasaskan negara Madinah untuk merealisasikan syariat Islam. Ini berdasarkan ungkapan yang telah disampaikan oleh Imam al-Ghazali, iaitu:

وَالْمُلْكُ وَالدِّيْنُ تَوْأَمَانُ فَالدِّيْنُ أَصْلُ وَالسُّلْطَانُ حَارِسٌ، وَمَا لَا أَصْلَ لَهُ فَمَهْدُوْمٌ وَمَا لَا حَارِسَ لَهُ فَضَائِعُ

Maksudnya: *“Pemerintahan dan agama adalah saudara kembar, agama itu asas manakala pemerintah adalah penjaga, sesuatu yang tidak ada asas akan runtuh sementara sesuatu yang tiada penjaga akan hilang.”*[1]

Di samping itu, Imam al-Mawardi juga menukilkan pendapat beliau mengenai kepentingan kepimpinan dalam menegakkan hukum-hukum Allah SWT dan ajaran Rasulullah SAW sepertimana berikut;

الإِمَامَةُ مَوْضُوعَةٌ لِخِلاَفَةِ النُّبُوَّةِ فِي حِرَاسَةِ الْدِّينِ وَسِيَاسَةِ الدُّنْيَا بِهِ

[1] Abu Hamid al-Ghazali. *Ihya` ‘Ulum al-Din*. Kaherah: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah. T.th.

Maksudnya: *"Kepimpinan adalah sebagai pengganti khilafah kenabian dalam urusan memelihara agama dan memerintah (mentadbir) dunia."*[2]

5. Memohon keampunan daripada Allah SWT, bertaubat atas segala kesalahan yang telah dilakukan serta mendekatkan diri kepadaNya pada setiap waktu. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا۟ فَٰحِشَةً أَوْ ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا۟ ٱللَّهَ فَٱسْتَغْفَرُوا۟ لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا ٱللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا۟ عَلَىٰ مَا فَعَلُوا۟ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ١٣٥﴾

Maksudnya: *Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah -, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).* [Ali-'Imran: 135]

6. Dua kalimah syahadah mengandungi tuntutan *wala'* dan *bara'*. *Wala'* memberikan kepatuhan dan kesetiaan terhadap Allah SWT, rasulNya dan orang beriman. Manakala *bara'* ialah berlepas diri dari kekufuran dan segala perkara yang dimurkai oleh Allah.[3] Firman Allah SWT:


﴿إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُمْ رَٰكِعُونَ ٥٥﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah, dan RasulNya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)* [al-Ma`idah: 55]

[2] Abu al-Hasan 'Ali al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sulthaniyyah* wa al-Wilayaat al-Diniyyah. Kaherah: al-Majma' al-'Alami. T.th.

[3] Konsep ini akan dibincangkan dengan lebih khusus dan terperinci dalam bab berikutnya.

MINGGU 2



2.0 *Wala'* dan *Bara'* dalam Dua Kalimah Syahadah

Konsep *wala'* dan *bara'*[4] merupakan tuntutan paling utama dalam dua kalimah syahadah yang perlu diberi perhatian untuk memahaminya. Tanpa memahami konsep *wala'* dan *bara'*, kefahaman dua kalimah syahadah masih belum sempurna.

2.1 Definisi *Wala'* dan *Bara'*

Dari sudut bahasa, perkataan *wala'* mempunyai beberapa maksud, antaranya mencintai, menolong, mengikuti dan mendekati sesuatu. Dari segi istilah syarak, *wala'* bererti kepatuhan seorang hamba terhadap perkara yang disukai dan diredai Allah SWT sama ada dalam bentuk kepercayaan, perkataan dan perbuatan.


Manakala perkataan *bara'* dari sudut bahasa pula mempunyai beberapa maksud antaranya menjauhi, tiada kaitan dan berlepas diri dari melaksanakan kewajipannya terhadap orang lain. Menurut istilah syarak pula, *bara'* bererti seorang hamba menjauhi setiap perkara yang dibenci dan dimurkai Allah SWT sama ada berbentuk kepercayaan, perkataan dan perbuatan.

Secara mudahnya, *wala'* adalah mencintai apa yang dicintai oleh Allah SWT dan melaksanakan perkara tersebut dengan penuh komitmen. Manakala *bara'* pula adalah membenci apa yang dibenci oleh Allah SWT secara berterusan dengan penuh iltizam. Justeru, ruang lingkup *wala'* adalah apa yang dicintai oleh Allah SWT, manakala *bara'* pula adalah apa yang dibenci oleh Allah SWT.

Apabila seseorang mengucap لَا إِلَٰهَ إِلَّا ٱللَّهُ di dalamnya mengandungi *wala'* dan *bara'*. Apabila disebut لَا إِلَٰهَ, ia adalah *bara'*. إِلَّا ٱللَّهُ adalah *wala'*. **(Rujuk definisi dua kalimah syahadah)**

[4] Ibrahim Muhammad al-Buraikan, *Pengantar Pengajian Aqidah Islam Madzhab Ahlissunnah Wal Jama'ah.* Terj. Muhammad Anis Matta. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn Bhd, 2001.

2.2 Bahagian *Wala'* dan *Bara'*



Dari definisi dan penjelasan di atas, *wala'* dan *bara'* dapat dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

1. **Kepercayaan**. Contoh *wala'* dalam kepercayaan adalah beriman dengan Allah SWT dan semua rukun iman dengan keimanan yang sebenar. Manakala contoh *bara'* adalah seperti menghindari kekufuran, kemunafikan, syirik dan sebagainya.

2. **Perkataan**. Contoh *wala'* menerusi perkataan adalah seperti berkata perkataan yang baik, berzikir, menasihati, berdoa dan memberi salam. Manakala contoh *bara'* seperti menjauhi celaan, menuduh orang lain dengan perbuatan buruk, mengumpat, memfitnah dan sebagainya.

3. **Perbuatan**. Contoh *wala'* dalam bentuk perbuatan adalah seperti menunaikan solat, berpuasa, berzakat, bersedekah, melakukan kebajikan dan sebagainya. Manakala contoh *bara'* seperti tidak mendekati riba, zina, minum arak, mencuri, berjudi dan sebagainya.

2.3 Kedudukan *Wala'* dan *Bara'* Dalam Islam



Oleh kerana *wala'* dan *bara'* adalah salah satu tuntutan dalam dua kalimah syahadah, maka sudah tentulah ia mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam Islam. Hal ini sepertimana penjelasan berikut:

1. *Wala'* dan *bara'* adalah intipati dari kalimah tauhid لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ. Hal ini kerana ucapan penafian 'لاَ إِلَهَ' dalam kalimah tauhid 'لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ' bererti melepaskan diri dari semua sembahan selain Allah SWT (*taghut*). Firman Allah SWT:

﴿وَلَقَدۡ بَعَثۡنَا فِي كُلِّ أُمَّةٖ رَّسُولًا أَنِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ وَٱجۡتَنِبُواْ ٱلطَّٰغُوتَۖ فَمِنۡهُم مَّنۡ هَدَى ٱللَّهُ وَمِنۡهُم مَّنۡ حَقَّتۡ عَلَيۡهِ ٱلضَّلَٰلَةُۚ فَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَٱنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ ٣٦﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut[5]". Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya* [al-Nahl: 36]

2. *Wala'* dan *bara'* merupakan syarat untuk mengesahkan ucapan syahadah seseorang. Hal ini kerana salah satu syarat syahadah adalah mencintai segala yang terkandung dalam ucapan syahadah, mencintai orang yang mengucapkan dan menyeru kepadanya serta membenci para penentangnya. Firman Allah SWT:

﴿وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَندَادٗا يُحِبُّونَهُمۡ كَحُبِّ ٱللَّهِۖ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَشَدُّ حُبّٗا لِّلَّهِۗ وَلَوۡ يَرَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓاْ إِذۡ يَرَوۡنَ ٱلۡعَذَابَ أَنَّ ٱلۡقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعٗا وَأَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعَذَابِ ١٦٥﴾

Maksudnya: *(Walaupun demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang-orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. Dan kalaulah orang-orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah, dan bahawa sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya, (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman itu).* [al-Baqarah: 165]

---

[5] - Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan taghut bermaksud sifat zalim yang melampaui batas, syaitan yang mendorong manusia melakukan kejahatan dan nama salah satu berhala kaum Quraisy.
- Taghut juga bermaksud melampaui batas iaitu punca kepada segala kesesatan yang memalingkan daripada kebaikan. Taghut juga digunakan kepada orang yang mengikut syaitan, pemerintah yang mengubah hukum Allah, tukang sihir, tukang tilik, ahli nujum, dan semua yang disembah selain daripada Allah seperti jin, manusia dan berhala.
- Selain itu, taghut juga adalah seperti mengadakan hukum-hukum yang tidak diizin Allah dan melanggar sempadan yang Allah tetapkan dalam kehidupan seharian. Bersifat at-taghut ditolak dalam perkara ibadat dan peraturan cara hidup dari sudut hukum syariat atau undang-undang dalam urusan dunia.

3. *Wala'* dan *bara'* adalah asas dalam hubungan antara seseorang hamba dengan Allah SWT. Hal ini kerana kecintaan terhadap Allah SWT diletakkan pada kedudukan yang tertinggi mengatasi segalanya sebagaimana firmanNya:

﴿قُلْ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ وَإِخْوَٰنُكُمْ وَأَزْوَٰجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَٰلٌ ٱقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَٰرَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرْضَوْنَهَآ أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٍ فِى سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُوا۟ حَتَّىٰ يَأْتِىَ ٱللَّهُ بِأَمْرِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٤﴾﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan pasangan kamu (suami dan isteri), dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk ugamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)* [al-Taubah: 24]

Ayat di atas menegaskan bahawa seseorang muslim hendaklah mencintai Allah lebih daripada segala-galanya. Hal ini merupakan satu kewajipan yang perlu dilaksanakan dalam kehidupan. Sekiranya tidak meletakkan kecintaan kepada Allah di tempat yang tertinggi, maka ia tidak menepati tuntutan ucapan kalimah syahadah.

4. *Wala'* dan *bara'* merupakan tali penghubung yang kekal antara hamba dengan Allah SWT sehingga hari kiamat. Adapun orang yang memberikan kepatuhan selain Allah SWT maka dia akan bersama orang yang dipatuhinya itu di dunia dan akhirat. Allah SWT berfirman:

﴿وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ ۖ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ ۗ وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرَوْنَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ ﴿١٦٥﴾﴾

Maksudnya: *(Walaupun demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang-orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. Dan kalaulah orang-orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika*

mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah, dan bahawa sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya, (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman itu)(165)

إِذْ تَبَرَّأَ الَّذِينَ اتُّبِعُوا مِنَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا وَرَأَوُا الْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ الْأَسْبَابُ﴿١٦٦﴾ وَقَالَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا لَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَتَبَرَّأَ مِنْهُمْ كَمَا تَبَرَّءُوا مِنَّا كَذَلِكَ يُرِيهِمُ اللَّهُ أَعْمَالَهُمْ حَسَرَاتٍ عَلَيْهِمْ وَمَا هُمْ بِخَارِجِينَ مِنَ النَّارِ﴿١٦٧﴾

Maksudnya: *(Iaitu) ketika ketua-ketua yang menjadi ikutan itu berlepas diri dari orang-orang yang mengikutnya, sedang kedua-dua pihak melihat betapa ngerinya azab seksa itu, dan (ketika) terputusnya segala hubungan di antara mereka(166) Dan (pada masa yang mengecewakan itu) berkatalah orang-orang yang menjadi pengikut: Alangkah eloknya kalau kami dapat Kembali ke dunia (dengan itu dapat kami berlepas diri daripada mereka sebagaimana mereka berlepas diri daripada kami (pada saat ini)!" Demikianlah Allah perlihatkan kepada mereka amal-amal mereka (dengan rupa yang mendatangkan) penyesalan yang amat sangat kepada mereka, dan mereka pula tidak akan dapat keluar dari neraka(167)* [al-Baqarah: 165-167]

Ayat di atas menjelaskan bahawa hubungan kasih sayang yang terjalin di dunia akan berterusan sehingga ke akhirat sama ada ia dibina di atas kebenaran atau kekufuran. Sesiapa yang memberi kepatuhan atau berkasih sayang atas dasar kekufuran, maka hubungan mereka akan kekal sampai akhirat dan dihumban ke dalam neraka. Mereka tidak dapat berlepas diri antara satu sama lain walaupun menyesali perbuatan tersebut.

Firman Allah SWT:

﴿وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَى بِآيَاتِنَا وَسُلْطَانٍ مُبِينٍ﴿٩٦﴾ إِلَى فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِ فَاتَّبَعُوا أَمْرَ فِرْعَوْنَ وَمَا أَمْرُ فِرْعَوْنَ بِرَشِيدٍ﴿٩٧﴾ يَقْدُمُ قَوْمَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَأَوْرَدَهُمُ النَّارَ وَبِئْسَ الْوِرْدُ الْمَوْرُودُ﴿٩٨﴾ وَأُتْبِعُوا فِي هَذِهِ لَعْنَةً وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ بِئْسَ الرِّفْدُ الْمَرْفُودُ﴿٩٩﴾﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya kami telah mengutuskan Nabi Musa dengan membawa ayat-ayat keterangan Kami, dan bukti (mukjizat) yang nyata:*
Kepada Firaun dan kaumnya; lalu kaum Firaun menurut perintah Firaun, sedang perintahnya itu bukanlah perintah yang betul.
Firaun akan mengetuai kaumnya pada hari kiamat kemudian tetaplah ia akan membawa mereka masuk ke neraka. Dan seburuk-buruk tempat yang dimasuki ialah neraka.

Dan mereka diiringi oleh laknat yang tidak putus-putus di dunia ini, dan pada hari kiamat. (Sebenarnya) laknat itu adalah seburuk-buruk pemberian yang diberikan. [Hud: 96-99]

5. *Wala'* dan *bara'* merupakan tanda keimanan dan ketaatan seorang hamba terhadap Allah SWT. Hal ini kerana sesiapa yang mencintai selain Allah SWT atau meredai mereka sebagai pemimpin maka dia termasuk dalam golongan kufur terhadap Allah. Allah SWT berfirman:

﴿۞يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ ٱلۡيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوۡلِيَآءَۘ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٖۚ **وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمۡ فَإِنَّهُۥ مِنۡهُمۡۗ** إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ٥١﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai teman rapat, kerana setengah mereka menjadi teman rapat kepada setengahnya yang lain;* ***dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu****. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim* [al-Maidah: 51]

6. *Wala'* dan *bara'* merupakan ikatan iman yang terkuat dan sempurna. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَوْثَقَ عُرَى الْإِيمَانِ: أَنْ تُحِبَّ فِي اللهِ، وَتُبْغِضَ فِي اللهِ

Maksudnya: *Sesungguhnya ikatan iman yang paling kuat; hendaklah kamu mencintai (seseorang) kerana Allah dan membenci (seseorang) kerana Allah* (Riwayat Ahmad, No. 18524)

Sabda Rasulullah SAW lagi:

مَنْ أَحَبَّ لِلَّهِ وَأَبْغَضَ لِلَّهِ وَأَعْطَى لِلَّهِ وَمَنَعَ لِلَّهِ فَقَدِ اسْتَكْمل الْإِيمَان

Maksudnya: *Sesiapa yang mencintai (seseorang) kerana Allah dan membenci kerana Allah, memberi kerana Allah dan tidak memberi kerana Allah, maka sesungguhnya dia telah menyempurnakan iman.* (Riwayat Abu Dawud, No. 4681)

7. *Wala'* dan *bara'* adalah merupakan asas pembinaan masyarakat Islam. Sabda Rasulullah SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Maksudnya: *Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia menyukai untuk saudaranya apa yang disukai untuk dirinya.* (Riwayat Tirmizi, No. 2515)

MINGGU 3



2.4 Kelebihan *Wala'* dan *Bara'*



Antara kelebihan mengamalkan konsep *wala'* dan *bara'* adalah seperti berikut:

1. Mendapat pembebasan dari kekufuran kepada cahaya keimanan. Firman Allah SWT:

﴿اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ آمَنُوا يُخْرِجُهُمْ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَاؤُهُمُ الطَّاغُوتُ يُخْرِجُونَهُمْ مِنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ أُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ﴿٢٥٧﴾﴾

Maksudnya: *Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya* [al-Baqarah: 257]

2. Memperolehi perlindungan daripada Allah SWT. Firman Allah SWT:

﴿أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ﴿٦٢﴾ الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ﴿٦٣﴾ لَهُمُ الْبُشْرَى فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ لَا تَبْدِيلَ لِكَلِمَاتِ اللَّهِ ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ﴿٦٤﴾﴾

Maksudnya: *Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita(62) (Wali-wali Allah itu ialah) orang-orang yang beriman*

serta mereka pula sentiasa bertaqwa(63) Untuk mereka sahajalah kebahagiaan yang mengembirakan di dunia dan di akhirat; tidak ada (sebarang perubahan pada janji-janji Allah yang demikian itulah kejayaan yang besar(64) [Yunus: 62-64]

Hal ini juga ditegaskan oleh Ibnu Abbas melalui kata-katanya:

مَنْ أَحَبَّ فِي الله وَأَبْغَضَ فِي الله، وَوَالَى فِي الله، وَعَادَى فِي الله، فَإِنَّمَا تُنَالُ وَلَايَةُ الله بِذَلِكَ،

...

Maksudnya: *"Sesiapa yang mencintai kerana Allah dan membenci kerana Allah, melindungi dan menyayangi kerana Allah dan memusuhi kerana Allah, sesungguhnya dia mendapat perlindungan daripada Allah."*[6]

3. Merasai kemanisan iman. Rasulullah SAW bersabda:

ثَلاَثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلاَوَةَ الإِيمَانِ أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لاَ يُحِبُّهُ إِلاَّ لِلَّهِ، وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ

Maksudnya: *"Sesiapa yang memiliki tiga perkara ini maka dia telah mencapai kemanisan iman; dia mencintai Allah dan rasulNya melebihi (mengatasi) segala-galanya, dia mencintai seseorang tidak lain tidak bukan hanyalah kerana Allah semata-mata, dan dia tidak mahu kembali kepada kekufuran sebagaimana dia tidak mahu dicampak ke neraka."* (Riwayat Bukhari, No. 6941)

4. Mendapat kedudukan yang istimewa di akhirat. Rasulullah SAW bersabda bahawa Allah SWT berfirman dalam sebuah hadis Qudsi:

قَالَ اللهُ عَزَّ وجَلَّ-: المتَحَابُّون فِي جَلاَلِي، لَهُم مَنَابِرُ مِن نُورٍ يَغْبِطُهُم النَبِيُّونَ والشُهَدَاء

Maksudnya: *Allah Azza wa Jalla berfirman; "Orang-orang yang saling mencintai kerana keagunganKu, mereka akan berada di atas mimbar-mimbar dari cahaya pada hari kiamat, yang mana para nabi dan syuhada mengingini (berbangga) kedudukan tersebut."* (Riwayat Tirmizi, No. 2390)

5. Mendapat naungan Allah SWT pada hari kiamat yang mana tiada naungan pada hari tersebut selain naunganNya. Sabda Rasulullah SAW:

[6] Abdullah Mubarak, *Kitab al-Zuhd wa yalihi Kitab al-Raqa'iq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. T.th.

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلاَّ ظِلُّهُ إِمَامٌ عَادِلٌ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ اللَّهِ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ فِي خَلاَءٍ فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسْجِدِ، **وَرَجُلاَنِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ**، وَرَجُلٌ دَعَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ إِلَى نَفْسِهَا قَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ. وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا، حَتَّى لاَ تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا صَنَعَتْ يَمِينُهُ

Maksudnya: *Terdapat tujuh golongan yang akan dinaungi oleh Allah pada hari kiamat dalam naunganNya (tempat berteduh dari keterikan matahari), yang mana pada hari itu tidak ada naungan kecuali naunganNya; pemimpin yang adil, pemuda yang membesar dalam keadaan menghambakan diri kepada Allah, lelaki yang mengingati Allah dalam kesunyian lalu mengalir air matanya, lelaki yang hatinya terikat pada masjid,* ***dua orang lelaki yang saling berkasih sayang (berkumpul dan berpisah) kerana Allah,*** *lelaki yang diajak oleh wanita yang cantik dan kedudukan tinggi (untuk bermaksiat) namun dia berkata, "Aku takut kepada Allah", dan lelaki yang bersedekah serta merahsiakan sedekahnya sehingga tangan kirinya tidak tahu apa yang dilakukan tangan kanannya.* (Riwayat Bukhari, No. 6086)

2.5 Hukum *Wala'* dan *Bara'*

Hukum *wala'* dan *bara'* dalam akidah Islam adalah wajib. Hal ini kerana wajib mencintai Allah SWT dan perintahNya lebih dari segala-galanya. Bahkan ia merupakan salah satu syarat sahnya syahadah seseorang. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

﴿قُلْ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ وَإِخْوَٰنُكُمْ وَأَزْوَٰجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَٰلٌ ٱقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَٰرَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرْضَوْنَهَآ أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٍ فِى سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُوا۟ حَتَّىٰ يَأْتِىَ ٱللَّهُ بِأَمْرِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٤﴾﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan pasangan (suami-isteri) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk ugamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)* [al-Taubah: 24]

Dalam hubungan ini juga, Rasulullah SAW turut memberi amaran bahawa seseorang itu masih tidak beriman dengan sebenarnya jika dia tidak mencintai Allah SWT dan baginda SAW melebihi segalanya. Hal ini sepertimana sabdanya:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Maksudnya: *"Tidak beriman seseorang kamu sehingga aku lebih disayangi olehnya daripada dia menyayangi bapanya, anaknya dan seluruh manusia."* (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Oleh yang demikian, sesiapa yang tidak mencintai Allah SWT dan rasulNya lebih dari segalanya maka dia masih lagi tidak memenuhi tuntutan *wala'* dan *bara'* serta tidak akan pernah dapat merasai kemanisan iman. Sabda Rasulullah SAW:

"ثَلاَثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلاَوَةَ الإِيمَانِ أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لاَ يُحِبُّهُ إِلاَّ لِلَّهِ، وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ ".

Maksudnya: *"Sesiapa yang memiliki tiga perkara ini maka dia telah mencapai kemanisan iman; dia mencintai Allah dan rasulNya melebihi (mengatasi) segala-galanya, dia mencintai seseorang tidak lain tidak bukan hanyalah kerana Allah semata-mata, dan dia tidak mahu kembali kepada kekufuran sebagaimana dia tidak mahu dicampak ke neraka."* (Riwayat Bukhari, No. 16)

Justeru, Allah SWT menjelaskan hanya orang fasik yang menjadikan orang kafir sebagai pelindung. Manakala orang yang memiliki keimanan sebenar akan tetap menjadikan Allah SWT sebagai pelindung mereka. Firman Allah SWT:

﴿تَرَىٰ كَثِيرًا مِّنْهُمْ يَتَوَلَّوْنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْۚ لَبِئْسَ مَا قَدَّمَتْ لَهُمْ أَنفُسُهُمْ أَن سَخِطَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمْ وَفِى ٱلْعَذَابِ هُمْ خَٰلِدُونَ ﴿٨٠﴾ وَلَوْ كَانُواْ يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلنَّبِىِّ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِ مَا ٱتَّخَذُوهُمْ أَوْلِيَآءَ وَلَٰكِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُمْ فَٰسِقُونَ ﴿٨١﴾﴾

Maksudnya: *Engkau melihat banyak dari mereka menjadikan orang-orang kafir (musyrik) teman rapat mereka. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka sediakan bagi diri mereka (pada hari akhirat kelak) iaitu kemurkaan Allah menimpa mereka, dan mereka pula tetap kekal di dalam azab (neraka)(80) Sekiranya mereka beriman kepada Allah dan kepada Nabi serta apa yang diturunkan kepadanya, nescaya mereka tidak menjadikan orang-orang (musyrik) sebagai teman*

rapat, akan tetapi kebanyakan dari mereka adalah orang-orang fasik(81) [al-Maidah: 80-81]

Sehubungan itu, orang yang memberikan *wala'* kepada Allah SWT, rasulNya serta orang-orang beriman maka mereka adalah orang yang berjaya. Hal ini sepertimana dijanjikan Allah SWT dalam firmanNya:

﴿وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ﴿٥٦﴾﴾

Maksudnya: *Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan rasulnya serta orang-orang yang beriman itu penolongnya (maka berjayalah dia), kerana sesungguhnya golongan (yang berpegang kepada ugama) Allah, itulah yang tetap menang(56)* [al-Maidah: 56]

Tambahan lagi, mereka diiktiraf oleh Allah SWT sebagai '*Hizbullah'* iaitu penyokong agama Allah. Mereka dijanjikan kemenangan yang mutlak di akhirat iaitu memperolehi keredaan Allah SWT serta mendapat balasan syurga. Firman Allah SWT:

﴿لَّا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ يُوَآدُّونَ مَنْ حَآدَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَوْ كَانُوٓاْ ءَابَآءَهُمْ أَوْ أَبْنَآءَهُمْ أَوْ إِخْوَٰنَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ ۚ أُوْلَٰٓئِكَ كَتَبَ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلْإِيمَٰنَ وَأَيَّدَهُم بِرُوحٍ مِّنْهُ ۖ وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ رَضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُواْ عَنْهُ ۚ أُوْلَٰٓئِكَ حِزْبُ ٱللَّهِ ۚ أَلَآ إِنَّ حِزْبَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ﴿٢٢﴾﴾

Maksudnya: *Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih-mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan RasulNya, sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka, atau saudara-saudara mereka, ataupun keluarga mereka. Mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka, dan telah menguatkan mereka dengan semangat pertolongan daripadaNya; dan Dia akan memasukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka tetap kekal di dalamnya. Allah reda akan mereka dan mereka reda (serta bersyukur) akan nikmat pemberianNya. Merekalah penyokong-penyokong (ugama) Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya penyokong-penyokong (ugama) Allah itu ialah orang-orang yang berjaya(22)* [al-Mujadalah: 22]

Oleh yang demikian, haram bagi orang mukmin untuk mencintai selain daripada Allah SWT dengan kecintaan yang sama terhadapNya. Hal ini menunjukkan bahawa tiada yang boleh setara dengan Allah SWT apatah lagi menandingiNya. Allah SWT berfirman:

﴿وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَندَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ ٱللَّهِ ۖ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَشَدُّ حُبًّا لِّلَّهِ ۗ وَلَوْ يَرَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓاْ إِذْ يَرَوْنَ ٱلْعَذَابَ أَنَّ ٱلْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعَذَابِ ﴿١٦٥﴾﴾

Maksudnya: *(Walaupun demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang-orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. Dan kalaulah orang-orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah, dan bahawa sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya, (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman itu)* [al-Baqarah: 165]

Sehubungan itu, Allah SWT menegah orang mukmin daripada menjadikan orang kafir sebagai orang yang dipercayai dan meminggirkan saudara seimannya. Sesiapa yang melakukan hal sedemikian maka tidak akan mendapat perlindunganNya. FirmanNya:

﴿لَّا يَتَّخِذِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَلَيْسَ مِنَ ٱللَّهِ فِى شَىْءٍ إِلَّآ أَن تَتَّقُواْ مِنْهُمْ تُقَىٰةً ۗ وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ نَفْسَهُۥ ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٢٨﴾﴾

Maksudnya: *Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan (larangan) yang demikian maka tiadalah ia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam sesuatu apapun, kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka (yang kafir itu). Dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diriNya (menyeksa kamu). Dan kepada Allah jualah tempat kembali* [Ali ‘Imran: 28]

Dalam firmanNya yang lain, Allah SWT menghalang orang mukmin menjadikan orang kafir sebagai pemimpin atau teman rapat. Hal ini dibimbangi akan terpengaruh dan terjerumus dalam kekufuran. Penegasan ini sebagaimana firman Allah SWT:

﴿۞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ ٱلْيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوْلِيَآءَ ۘ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُۥ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥١﴾﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai teman rapat, kerana setengah mereka menjadi teman rapat kepada setengahnya yang lain; dan sesiapa di antara kamu yang*

menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim [al-Maidah: 51]

Hal ini diperkukuhkan lagi oleh sabda Rasulullah SAW yang memberi ancaman untuk tidak bersama dan menjadikan golongan kufur sebagai teman rapat kerana dibimbangi akan terikut-ikut cara hidup mereka. Baginda SAW bersabda:


مَنْ جَامَعَ الْمُشْرِكَ وَسَكَنَ مَعَهُ فَإِنَّهُ مِثْلُهُ

Maksudnya: *"Sesiapa yang berkumpul dengan orang musyrik dan tinggal (berasa tenang) dengannya, maka sesungguhnya dia adalah sepertinya."* (Riwayatkan Abu Dawud, No. 2787)

MINGGU 4



2.6 Pembahagian Manusia Berdasarkan *Wala'* dan *Bara'*



Setelah difahami definisi, kedudukan dan hukum *wala'* dan *bara'* dalam dua kalimah syahadah, maka dapat dibahagikan kelompok manusia kepada tiga golongan sepertimana berikut:

1. Golongan yang berhak mendapatkan *wala'* secara mutlak.

Golongan ini adalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benar keimanan kepada Allah SWT dan rasulNya. Mereka melaksanakan segala kewajipan dalam agama serta meninggalkan setiap larangan dengan mengikuti Rasulullah SAW dan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT. Justeru, wajib memberikan *wala'* kepada mereka kerana merekalah golongan yang ingin merealisasikan ajaran wahyu dalam kehidupan. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah, dan RasulNya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)* [al-Maidah: 55]

2. Golongan yang berhak diberikan *wala'* pada keadaan tertentu dan wajib *bara'* (berlepas diri) dalam keadaan tertentu.

   Golongan ini adalah muslim yang berterusan melakukan maksiat, meninggalkan sebahagian kewajipan agama dan melakukan sebahagian perbuatan yang diharamkan oleh Allah SWT. Namun, perbuatannya tersebut tidak menyebabkannya menjadi kufur kerana dia tidak mengingkari kewajipan dan larangan Allah SWT secara iktikad akan tetapi dia melakukannya kerana kejahilan dan keengganannya.

   Dengan itu, wajib memberikan *wala'* kepada mereka apabila mereka melakukan perintah Allah SWT dan rasulNya. Sebaliknya, jika mereka melakukan perkara yang diharamkan dan dilarang oleh Allah SWT dan rasulNya maka wajib *bara'* daripada perbuatan mereka tersebut. Hal ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidina 'Umar seperti berikut:

   أَنَّ رَجُلاً، عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم كَانَ اسْمُهُ عَبْدَ اللَّهِ، وَكَانَ يُلَقَّبُ حِمَارًا، وَكَانَ يُضْحِكُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم، وَكَانَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم قَدْ جَلَدَهُ فِي الشَّرَابِ، فَأُتِيَ بِهِ يَوْمًا فَأَمَرَ بِهِ فَجُلِدَ، فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ اللَّهُمَّ الْعَنْهُ مَا أَكْثَرَ مَا يُؤْتَى بِهِ. فَقَالَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم " لاَ تَلْعَنُوهُ، فَوَاللَّهِ مَا عَلِمْتُ أَنَّهُ يُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ".

   Maksudnya: *Terdapat seorang lelaki pada zaman Nabi SAW bernama Abdullah yang digelar keldai, dia pernah menyebabkan Rasulullah SAW tertawa, pernah juga dia disebat oleh Nabi SAW kerana meminum arak. Pada suatu hari, dia dibawa berjumpa baginda untuk dihukum (kerana minum arak), baginda mengarahkan supaya dihukum lalu dia disebat. Seorang lelaki yang berada di situ berkata, Ya Allah, laknatilah dia kerana sudah banyak kali dia ditangkap (minum arak). Lantas Nabi SAW bersabda, "Janganlah kamu mengutuknya, sesungguhnya aku tahu bahawa dia (masih tetap) mencintai Allah dan RasulNya".* (Riwayat Bukhari, No. 6780)

3. Golongan yang wajib mendapat *bara'* secara mutlak.

   Golongan ini adalah orang musyrik dan kafir iaitu mereka yang tidak beriman kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Begitu juga seorang muslim yang melakukan sesuatu perbuatan sehingga menyebabkannya menjadi kafir, maka

dia telah dikira tidak beriman dan murtad[7]. Sehubungan itu, wajib bagi seorang muslim untuk *bara'* daripada iktikad, perbuatan dan ucapan mereka kerana merekalah penentang agama Allah SWT. Hal ini jelas dinyatakan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَاءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِمْ بِالْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا بِمَا جَاءَكُمْ مِنَ الْحَقِّ يُخْرِجُونَ الرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَنْ تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ رَبِّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ خَرَجْتُمْ جِهَادًا فِي سَبِيلِي وَابْتِغَاءَ مَرْضَاتِي تُسِرُّونَ إِلَيْهِمْ بِالْمَوَدَّةِ وَأَنَا أَعْلَمُ بِمَا أَخْفَيْتُمْ وَمَا أَعْلَنْتُمْ وَمَنْ يَفْعَلْهُ مِنْكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ ١﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuh kamu menjadi teman rapat, dengan cara kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita rahsia orang-orang mukmin) dengan sebab hubungan baik dan kasih mesra yang ada di antara kamu dengan mereka, sedang mereka telah kufur ingkar terhadap kebenaran (Islam) yang sampai kepada kamu; mereka pula telah mengeluarkan Rasulullah (S.A.W) dan juga mengeluarkan kamu (dari Tanah Suci Makkah) disebabkan kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu. (Janganlah kamu berbuat demikian) jika betul kamu keluar untuk berjihad pada jalanKu dan untuk mencari keredaanKu. (Tidak ada sebarang faedahnya) kamu mengadakan hubungan kasih mesra dengan mereka secara rahsia, sedang Aku amat mengetahui akan apa yang kamu rahsiakan dan apa yang kamu zahirkan. Dan (ingatlah), sesiapa di antara kamu yang melakukan perkara yang demikian, maka sesungguhnya telah sesatlah ia dari jalan yang betul* [al-Mumtahanah: 1]


[7] Perbuatan yang membawa kepada kekufuran seperti berdoa, meminta pertolongan dan bertawakal kepada selain Allah SWT. Begitu juga iktikad yang mengingkari kewujudan Allah SWT, menghinaNya serta rasulNya dan sebagainya. Penerangan lanjut berkaitan murtad dijelaskan pada muka surat 58.

3.0 Perkara-Perkara Yang Merosakkan dan Membatalkan Syahadah

Setelah memahami dua kalimah syahadah dan tuntutan-tuntutannya, maka setiap individu muslim hendaklah berhati-hati dengan beberapa perkara yang boleh menyebabkan rosak dan batalnya syahadah antaranya:



3.1 Syirik




Syirik dari segi bahasa bermaksud bersekutu, bersyarikat, sepakat atau bersama. Manakala dari segi istilah, syirik bermaksud menyekutukan Allah SWT dari segi zatnya, rububiyyahNya, uluhiyyahNya, nama-nama dan sifat-sifatNya serta perbuatanNya. Sebagai contoh, seseorang itu meletakkan makhluk sama

kedudukannya dengan Allah SWT dari segi memohon doa, meminta, mengharap, takut dan sebagainya.

Begitu juga berdoa dan memohon kepada Allah SWT dan pada masa yang sama mereka memohon kepada makhluk. Makhluk-makhluk itu termasuklah nabi, wali, malaikat, kubur keramat, jin, binatang, pokok, kayu, batu, matahari, bulan, bintang dan seumpamanya. Syirik boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu syirik besar dan syirik kecil. Berikut adalah penerangan tentang keduanya:

1. Syirik Besar

Syirik besar bermaksud menyekutukan Allah SWT dari segi zatNya, rububiyyahNya, uluhiyyahNya, nama-nama dan sifat-sifatNya serta perbuatanNya. Syirik besar boleh dibahagikan kepada beberapa jenis:



1. Syirik Dalam Doa

Doa bermaksud seseorang hamba memohon kepada Allah SWT untuk mendapat kebaikan atau menolak keburukan dengan menyerah diri kepadaNya dan sangat berhajat kepadaNya. Namun apabila doa tersebut diminta kepada Allah SWT dan kepada selain daripada Allah SWT (makhluk),

atau diminta daripada makhluk sahaja, maka doa atau perbuatan tersebut adalah syirik. Firman Allah SWT:

﴿وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا﴿١٨﴾﴾

Maksudnya: *"Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapapun bersama-sama Allah* [al-Jinn: 18]

Selain itu, Allah SWT turut menerangkan bahawa sesiapa yang berdoa kepada selain daripadaNya maka itu merupakan perbuatan syirik. Perbuatan tersebut merupakan perbuatan yang sia-sia kerana selain daripada Allah SWT (makhluk) tidak dapat memberi manfaat mahupun mudarat. Allah SWT berfirman:

﴿وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذًا مِنَ الظَّالِمِينَ﴿١٠٦﴾ وَإِنْ يَمْسَسْكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَادَّ لِفَضْلِهِ يُصِيبُ بِهِ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَهُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ﴿١٠٧﴾﴾

Maksudnya: *Dan janganlah engkau (wahai Rasulullah) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu) (106) Dan jika Allah mengenakan engkau dengan sesuatu yang membahayakan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghapuskannya melainkan Dia; dan jika Ia menghendaki engkau beroleh sesuatu kebaikan, maka tiada sesiapapun yang akan dapat menghalangi limpah kurniaNya. Allah melimpahkan kurniaNya itu kepada sesiapa yang dikendakiNya dari hamba-hambaNya, dan Dia lah yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani (107)* [al-Anfal: 106-107]

2. Syirik Dalam Taat

Syirik dalam taat bermaksud mentaati perintah dan arahan makhluk yang bertentangan dengan perintah Allah SWT. Contohnya, menerima atau menyetujui keputusan makhluk yang mengharamkan yang halal,

menghalalkan yang haram dan bertentangan dengan syariat Allah SWT. Firman Allah SWT:

﴿اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ﴿٣١﴾﴾

Maksudnya: *Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli ugama mereka sebagai sembahan-sembahan selain dari Allah, dan juga (mereka mempertuhankan) Al-Masih ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan(31)* [al-Tawbah: 31]

Hal ini dijelaskan lagi oleh sebuah hadis yang menceritakan berkenaan ‘Adi bin Hatim (ketika itu beliau masih belum memeluk Islam) yang datang menemui Rasulullah SAW di Madinah sepertimana berikut:

... فَدَخَلَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَفِي عُنُقِ عَدِيّ صَلِيبٌ مِنْ فِضَّةٍ، فَقَرَأَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذِهِ الْآيَةَ: {اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ} قَالَ: فَقُلْتُ: إِنَّهُمْ لَمْ يَعْبُدُوهُمْ. فَقَالَ: "بَلَى، إِنَّهُمْ حَرَّمُوا عَلَيْهِمُ الْحَلَالَ، وَأَحَلُّوا لَهُمُ الْحَرَامَ، فَاتَّبَعُوهُمْ، فَذَلِكَ عِبَادَتُهُمْ إِيَّاهُمْ."...

Maksudnya*: ...‘Adi bin Hatim datang menemui Rasulullah SAW dan ketika itu dia memakai salib perak pada lehernya, lalu Rasulullah SAW membaca ayat “Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli ugama mereka sebagai sembahan-sembahan selain dari Allah,” lantas beliau berkata “Wahai Rasulullah, orang-orang Nasrani tidak menyembah pendeta dan ahli ibadah mereka.” Lalu baginda menjelaskan “Ya, (mereka tidak menyembah atau sujud kepada pendeta), tetapi sesungguhnya para pendeta dan ahli ibadah Nasrani telah mengharamkan perkara yang dihalalkan dan menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah dan para pengikut mereka mematuhinya. Itulah yang dimaksudkan masyarakat menyembah pendeta dan ahli ibadah*.”...(Riwayat Tirmidzi)

3. Syirik Kasih

Syirik kasih bermaksud meletakkan rasa kasih terhadap makhluk sama dengan kasih terhadap Allah SWT atau kasih kepada makhluk melebihi kasih kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

﴿وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ ۖ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ ۗ وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرَوْنَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ ﴿١٦٥﴾﴾

Maksudnya: *(Walaupun demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang-orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. Dan kalaulah orang-orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu (hanya dimiliki) bagi Allah, dan bahawa sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya, (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman itu)(165)* [al-Baqarah:165]

Ayat tersebut menyatakan bahawa seseorang itu telah melakukan kesyirikan apabila dia meletakkan kasih kepada makhluk sama seperti kasih kepada Allah SWT. Apatah lagi apabila seseorang itu mengasihi makhluk melebihi kasih kepada Allah SWT dan rasulNya. Hal ini diancam oleh Allah SWT dalam firmanNya:

﴿قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِنُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٢٤﴾﴾


Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan pasangan-pasangan kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk ugamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)* [al-Tawbah: 24]

MINGGU 5



2. Syirik Kecil

Syirik kecil bermaksud semua ucapan atau perbuatan yang dinyatakan oleh syarak sebagai perbuatan syirik namun tidak sampai kepada syirik besar. Syirik kecil menyebabkan seseorang berdosa besar. Syirik kecil boleh dibahagikan kepada dua jenis:



1. **Syirik *Jaali* (Jelas)**

   Syirik *Jaali* boleh berlaku melalui ucapan dan perbuatan. Contohnya, melalui ucapan ialah bersumpah dengan nama selain Allah SWT seperti bersumpah dengan nama makhluk; Demi Bulan, Demi Matahari dan sebagainya. Hal ini kerana hanya Allah SWT sahaja yang layak bersumpah dengan makhluk. Manakala contoh syirik perbuatan pula ialah memakai tangkal/azimat untuk mendapat sebarang kebaikan atau menolak bala.

2. **Syirik *Khafi* (Tersembunyi)**

   Syirik *Khafi* adalah syirik yang tersembunyi dalam hati manusia. Syirik jenis ini dapat difahami apabila seseorang melakukan sesuatu perbuatan bukan kerana Allah SWT. Ianya berlaku dari segi kehendak dan niat antaranya *riya`* (menunjuk-nunjuk), *sum'ah* (melakukan amalan secara tersembunyi dan

menceritakannya supaya dipuji) dan '*ujub* (berasa kagum dengan diri sendiri). Sebagaimana firman Allah SWT:

﴿مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلۡحَيَوٰةَ ٱلدُّنۡيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيۡهِمۡ أَعۡمَٰلَهُمۡ فِيهَا وَهُمۡ فِيهَا لَا يُبۡخَسُونَ ١٥ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَيۡسَ لَهُمۡ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ إِلَّا ٱلنَّارُۖ وَحَبِطَ مَا صَنَعُواْ فِيهَا وَبَٰطِلٞ مَّا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ١٦﴾

Maksudnya: *Sesiapa yang keadaan usahanya semata-mata berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasannya (dengan tidak disaksikan sama oleh Al-Quran tentang sah batalnya), maka Kami akan sempurnakan hasil usaha mereka di dunia, dan mereka tidak dikurangkan sedikitpun padanya. Merekalah orang-orang yang tidak ada baginya pada hari akhirat kelak selain daripada azab neraka, dan pada hari itu gugurlah apa yang mereka lakukan di dunia, dan batallah apa yang mereka telah kerjakan.* (Hud:15-16)

1) ***Riya' (رياء)*** . *Riya'* merupakan perbuatan atau amalan yang dilakukan dengan tujuan untuk menunjuk-nunjuk atau untuk mendapat pujian daripada orang lain dan bukan semata-mata kerana Allah SWT. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا **لَا تُبْطِلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ النَّاسِ** وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ٢٦٤﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman!* ***Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak),*** *dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir*. [Al-Baqara: 264]

Rasulullah SAW bersabda:

قال رسول الله ﷺ: "إن أخوفَ ما أخافُ عليكم الشركُ الأصغرُ" قالوا: وما الشركُ الأصغرُ يا رسولَ اللهِ؟ قال: "الرياءُ."

Maksudnya: *"Sesungguhnya perkara yang paling aku takutkan (bimbang) menimpa kamu adalah syirik kecil."* Para sahabat bertanya: *"Apakah syirik kecil itu, wahai Rasulullah?"* Baginda menjawab: *"Iaitu riya'."* (Riwayat Imam Ahmad)

2) ***Sum'ah (سُمْعَة).*** *Sum'ah* adalah amal ibadah dan perbuatan baik atau amalan yang dilakukan dengan tujuan untuk didengar dan diketahui oleh orang lain. *Sum'ah* juga boleh berlaku apabila seseorang yang melakukan perbuatan baik dan menceritakan kepada orang lain untuk mendapat pujian. Sebagai contoh, orang yang melakukan *qiamulail* dengan penuh ikhlas kerana Allah dan esok harinya dia menceritakan kepada orang lain tentang amalannya untuk mendapat pujian. Firman Allah SWT:

﴿وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بَطَرًا وَرِئَاءَ النَّاسِ وَيَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٤٧﴾﴾

Maksudnya: *Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang keluar dari negerinya dengan berlagak sombong dan menunjuk-nunjuk (kekuatan mereka) kepada orang ramai (kerana hendak meminta dipuji), serta mereka pula menghalang manusia dari jalan Allah dan (ingatlah) Allah Maha Meliputi pengetahuanNya akan apa yang mereka kerjakan. [Al-Anfal: 47]*

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW telah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم: " مَنْ يُسَمِّعْ يُسَمِّعِ اللَّهُ بِهِ وَمَنْ يُرَائِي يُرَائِي اللَّهُ بِهِ ".

Maksudnya: *"Sesiapa yang menunjuk-nunjuk (amalannya supaya didengari orang lain) Allah akan memperdengarkan (aib) tentangnya; dan sesiapa yang menunjuk-nunjuk (kepura-puraan), Allah akan menzahirkan riaknya."* (Riwayat Muslim 2987)

3) ***Ujub (عُجُب).*** *Ujub* bermaksud merasa kagum terhadap diri sendiri kerana merasa dirinya memiliki sesuatu kelebihan sehingga merasakan dirinya lebih baik daripada orang lain tanpa menyandarkan kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

﴿الَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَائِرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَجِنَّةٌ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ **فَلَا تُزَكُّوا أَنْفُسَكُمْ** هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَى ﴿٣٢﴾﴾

Maksudnya: *(laitu) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji, kecuali salah silap yang kecil-kecil (yang mereka terlanjur melakukannya, maka itu dimaafkan). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunanNya. Ia lebih mengetahui akan keadaan kamu semenjak Ia mencipta kamu (berasal) dari tanah, dan semasa kamu berupa anak yang sedang melalui berbagai peringkat kejadian dalam perut ibu kamu; maka **janganlah kamu memuji-muji diri kamu** (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dia lah sahaja yang lebih mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa*. [An-Najm: 32]

Rasulullah SAW bersabda:

ثلاثٌ مُهلكاتٌ: شُحٌّ مُطاعٌ، وهوًى مُتَّبَعٌ، وإعجابُ المرءِ بنفسِه

Maksudnya: *"Tiga perkara yang membinasakan (seseorang): kebakhilan yang dituruti, hawa nafsu yang diikuti, dan seseorang yang ujub (yang mengkagumi) terhadap dirinya sendiri."* (Riwayat al-Baihaqi & al-Tabrani)

3.1.1 Perbezaan Antara Syirik Besar Dan Syirik Kecil

Berikut adalah perbezaan antara keduanya:

Syirik Besar	**Syirik Kecil**
Boleh membawa seseorang keluar daripada Islam sekiranya tidak bertaubat	Tidak keluar daripada Islam tetapi berdosa besar
Membatalkan semua amalan	Membatalkan amalan berkaitan sahaja
Kekal di dalam neraka	Bergantung kepada kehendak Allah SWT sama ada Allah ingin mengampunkan atau sebaliknya

3.1.2 Keburukan Syirik



Antara keburukannya[8] adalah:

1. Orang yang melakukan syirik sebenarnya mencabar dan memperkecilkan Allah SWT. Hal ini kerana dia menyamakan antara Allah SWT dengan makhluk dan ia adalah kezaliman yang amat besar. Firman Allah SWT:

   ﴿وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ ۖ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾﴾

   Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:" Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar"* [Luqman: 13]

2. Orang yang melakukan syirik tidak akan mendapat keampunan dan rahmat daripada Allah SWT dan tidak akan mendapat syafaat di akhirat kelak sekiranya mereka tidak bertaubat. Firman Allah SWT:

   ﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا ﴿٤٨﴾﴾

[8] Abdullah Yasin, *Bahaya Syirik; Kedudukan Aqidah dalam Islam*. Kuala Lumpur: Al-Furqan Enterprise. T.th.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.* [al-Nisa': 48]

Firman Allah SWT lagi:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿١١٦﴾﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutukanNya dengan sesuatu (apa jua), dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut peraturan hukum-hukumNya); dan sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu (apa jua), maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh* [al-Nisa`: 116]

Dalam ayat di atas, Allah menjelaskan bahawa dosa syirik merupakan dosa yang sangat besar dan Dia tidak akan mengampunkannya. Berbeza dengan dosa-dosa besar yang lain, pengampunan terletak di bawah kehendakNya. Jika Allah menghendaki, maka Dia akan mengampunkan, atau sebaliknya bagi orang yang tidak memohon keampunan dan tidak bertaubat.

Namun begitu, Allah tetap akan mengampuni juga dosa syirik yang dilakukan oleh seseorang sekiranya orang yang melakukan dosa itu memohon keampunan terhadap dosa-dosa syirik tersebut, sebagaimana firmanNya:

﴿قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَى أَنْفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.* [Az-Zumar: 53]

3. Allah SWT telah mengharamkan orang yang melakukan syirik daripada memasuki syurga dan kekal di dalam neraka bagi mereka yang tidak bertaubat. Allah SWT berfirman:

﴿لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ وَقَالَ الْمَسِيحُ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ اعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ﴿٧٢﴾﴾

Maksudnya: *Demi sesungguhnya! Telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah Al-Masih Ibni Maryam". Padahal Al-Masih sendiri berkata:" Wahai Bani Israil! Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu, Bahawasanya sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya Syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim."* [al-Maidah: 72]

4. Orang yang melakukan syirik telah menghalalkan darahnya, hartanya dan tidak ada nilai di dalam agama. Firman Allah SWT:

﴿... وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢١٧﴾﴾

Maksudnya: *dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari ugamanya (ugama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya)* [al-Baqarah: 217]

MINGGU 6



3.2 Kufur



Kufur dari segi bahasa bermaksud menutup dan menyembunyikan. Manakala dari segi istilah bermaksud tidak beriman kepada Allah SWT dan rasulNya, rukun-rukun Iman serta rukun-rukun Islam. Kufur boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

1. Kufur Besar

Kufur besar ialah kufur yang menyebabkan seseorang itu keluar daripada agama Islam dan kekal berada di dalam neraka di akhirat kelak. Kufur besar boleh dibahagikan kepada beberapa jenis antaranya:



1. **Kufur *Inkar*** - Mengingkari dengan hati dan lidahnya iaitu tidak beriman dengan Allah SWT serta tidak mengakuiNya. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَأَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنْذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ٦﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang kafir (yang tidak akan beriman), sama sahaja kepada mereka: sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman* [al-Baqarah: 6]

2. **Kufur *Juhud*** - Mengakui Allah SWT dan rasulNya dengan hati tetapi tidak mengiktiraf dengan lidah. Hal ini seperti golongan Yahudi yang mengetahui kerasulan Rasulullah SAW tetapi mereka tetap menolaknya. Firman Allah SWT:

﴿وَلَمَّا جَاءَهُمْ كِتَابٌ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَهُمْ وَكَانُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ﴿٨٩﴾﴾

Maksudnya: *Dan ketika datang kepada mereka sebuah Kitab dari Allah (Al Quran), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka (Kitab Taurat), sedang mereka sebelum itu sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas kaum kafir musyrik (dengan kedatangan seorang Nabi pembawa Kitab itu). Setelah datang kepada mereka apa yang mereka sedia mengetahui kebenarannya (Nabi Muhammad SAW dan Al Quran), mereka mengingkarinya; maka (dengan yang demikian), laknat Allah menimpa orang-orang yang kafir ingkar itu* [al-Baqarah: 89]

Firman Allah SWT lagi:

﴿إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْهُدَى مِنْ بَعْدِ مَا بَيَّنَّاهُ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ أُولَئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللَّاعِنُونَ﴿١٥٩﴾﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk hidayah, sesudah Kami menerangkannya kepada manusia di dalam Kitab Suci, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk* [al-Baqarah: 159]

3. **Kufur '*Inad*** - Mengetahui Allah SWT dengan hati dan mengakui dengan lidah tetapi tidak patuh kepada Allah SWT. Hal ini seperti kufurnya Iblis yang tidak mengingkari dan menolak perintah Allah SWT tetapi mereka kufur kerana enggan dan sombong melaksanakannya sepertimana firmanNya:

﴿وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ﴿٣٤﴾﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat: "Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam AS". Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia enggan dan takbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir* [al-Baqarah: 34]

4. **Kufur *Syak*** – Meragui kebenaran Islam dan risalah kenabian yang dibawa Rasulullah SAW. Firman Allah SWT:

﴿وَدَخَلَ جَنَّتَهُ وَهُوَ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ قَالَ مَا أَظُنُّ أَنْ تَبِيدَ هَذِهِ أَبَدًا ﴿٣٥﴾ وَمَا أَظُنُّ السَّاعَةَ قَائِمَةً وَلَئِنْ رُدِدْتُ إِلَى رَبِّي لَأَجِدَنَّ خَيْرًا مِنْهَا مُنْقَلَبًا ﴿٣٦﴾ قَالَ لَهُ صَاحِبُهُ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَكَفَرْتَ بِالَّذِي خَلَقَكَ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّاكَ رَجُلًا ﴿٣٧﴾ لَكِنَّا هُوَ اللَّهُ رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِرَبِّي أَحَدًا ﴿٣٨﴾﴾

Maksudnya: *Dan ia pun masuk ke kebunnya (bersama-sama rakannya), sedang ia berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan sebab kufurnya), sambil ia berkata: "Aku tidak fikir, kebun ini akan binasa selama-lamanya(35) Dan aku tidak fikir, hari kiamat akan berlaku; dan kalaulah aku dikembalikan kepada Tuhanku (sebagaimana kepercayaanmu), tentulah aku akan mendapat tempat kembali yang lebih baik daripada ini(36) berkatalah rakannya kepadanya, semasa ia berbincang dengannya: "Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian Ia membentukmu dengan sempurna sebagai seorang lelaki?(37) Tetapi aku sendiri percaya dan yakin dengan sepenuhnya bahawa Dia lah Allah, Tuhanku, dan aku tidak sekutukan sesuatu pun dengan Tuhanku(38)* [al-Kahfi: 35-38]

Ayat di atas menerangkan seseorang yang syak, ragu dan tidak yakin tentang hari akhirat akan membuatnya menjadi kufur.

5. **Kufur *Nifaq*** - Menzahirkan dirinya sebagai seorang muslim dengan lidahnya akan tetapi menyembunyikan kekufuran di dalam hati. Golongan ini berada dalam kalangan orang Islam dan berusaha untuk memecah-belahkan perpaduan umat. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ آمَنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾ يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّا أَنْفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾﴾

Maksudnya: *Dan di antara manusia ada yang berkata: "Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat"; padahal mereka sebenarnya tidak beriman(8) Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka (pada hakikatnya) hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya(9)* [al-Baqarah: 8-9]
Firman Allah SWT lagi:

﴿ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ آمَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا فَطُبِعَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ٣﴾

Maksudnya: *(Perbuatan buruk) yang demikian kerana mereka mengaku beriman (di hadapan orang-orang Islam) kemudian mereka tetap kafir sesama sendiri, maka dengan sebab itu dimeteraikan atas hati mereka; lalu mereka tidak dapat memahami (yang mana benar dan yang mana salah)* [al-Munafiqun: 3]

2. Kufur Kecil



Firman Allah SWT:

﴿وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ اللَّهِ فَأَذَاقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ١١٢﴾

Maksudnya: *Dan (berhubung dengan hal kaum yang kufur ingkar) Allah memberikan satu contoh: Sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka telah lakukan* [al-Nahl: 112]

Daripada Abdullah bin Mas'ud RA, Rasulullah SAW bersabda:

أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم قَالَ: "سِبَابُ الْمُسْلِمِ فُسُوقٌ، وَقِتَالُهُ كُفْرٌ"

Maksudnya: *"Mencaci (mencela) seseorang Muslim adalah perbuatan fasik, dan memerangi (membunuh) mereka adalah perbuatan kufur."*

Hadis ini telah menegaskan bahawa mencaci (mencela) sesama Muslim adalah perbuatan fasik dan memerangi (membunuh) mereka adalah perbuatan kufur iaitu berdosa besar. Perbuatan tersebut masih dalam lingkungan kufur kecil dan tidak terkeluar daripada Islam.

3.2.1 Perbezaan Antara Kufur Besar dan Kufur Kecil

Antara perbezaannya adalah:


Kufur Besar	**Kufur Kecil**
Keluar daripada Islam	Tidak keluar daripada Islam tetapi berdosa besar.
Membatalkan semua amalan	Membatalkan amalan yang berkaitan dengan amalan kufur yang dilakukan sahaja.
Kekal dalam neraka	Bergantung kepada kehendak Allah SWT sekiranya Allah ingin mengampunkan dosa-dosa tersebut atau sebaliknya.

MINGGU 7




3.3 Nifaq (Kemunafikan)

Nifaq berasal dari perkataan Arab iaitu *nafaqa* yang bererti lubang yang mempunyai dua pintu (terowong). Manakala *nifaq* dari segi istilah bermaksud perbuatan menyembunyikan kekufuran dalam hati dan menampakkan keislaman (sebagai seorang muslim) dengan ucapan dan tindakan. *Nifaq* boleh dibahagikan kepada dua bahagian:



1. *Nifaq* Besar (Iktikad/Akidah):



Nifaq besar adalah seseorang yang menunjukkan Islam secara zahirnya dan menyembunyikan kekufuran dalam hatinya. Golongan ini telah muncul dalam masyarakat ketika Rasulullah SAW di Madinah di mana Islam telah semakin kuat.

Sementara pada ketika baginda SAW di Mekah tiada golongan munafik kerana golongan *kuffar* boleh menzahirkan penentangan mereka secara terang-terangan. Golongan munafik ini pada hakikatnya adalah golongan *kuffar* yang sangat bahaya kepada umat Islam. Hal ini diterangkan dalam firman Allah SWT:

﴿وَقَدْ نَزَّلَ عَلَيْكُمْ فِي الْكِتَابِ أَنْ إِذَا سَمِعْتُمْ آيَاتِ اللَّهِ يُكْفَرُ بِهَا وَيُسْتَهْزَأُ بِهَا فَلَا تَقْعُدُوا مَعَهُمْ حَتَّى يَخُوضُوا فِي حَدِيثٍ غَيْرِهِ إِنَّكُمْ إِذًا مِثْلُهُمْ إِنَّ اللَّهَ جَامِعُ الْمُنَافِقِينَ وَالْكَافِرِينَ فِي جَهَنَّمَ جَمِيعًا ﴿١٤٠﴾﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Allah telahpun menurunkan kepada kamu (perintahNya) di dalam Kitab (Al-Quran), iaitu: apabila kamu mendengar ayat-ayat keterangan Allah diingkari dan diejek-ejek (oleh kaum kafir dan munafik), maka janganlah kamu duduk (bergaul) dengan mereka sehingga mereka masuk kepada memperkatakan soal yang lain; kerana sesungguhnya (jika kamu melakukan yang demikian), tentulah kamu sama seperti mereka. Sesungguhnya Allah akan menghimpunkan sekalian orang munafik dan orang kafir di dalam neraka jahannam* [al-Nisa`: 140]

Ayat tersebut menyatakan bahawa golongan munafik dan *kuffar* akan ditempatkan dalam neraka. Namun, kekufuran golongan munafik lebih bahaya daripada golongan *kuffar* kerana sifat talam dua muka mereka. Oleh itu, Allah SWT menempatkan mereka dalam neraka yang paling bawah sepertimana firmanNya:

﴿إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرْكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ وَلَنْ تَجِدَ لَهُمْ نَصِيرًا ﴿١٤٥﴾﴾


Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terkebawah sekali dari (lapisan-lapisan dalam) neraka. Dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat sesiapa pun yang boleh menolong mereka* [al-Nisa': 145]

Nifaq besar boleh membawa seseorang keluar daripada agama Islam dan kekal dalam neraka. *Nifaq* ini lebih bahaya kepada agama Islam dan umatnya daripada

kekufuran yang nyata. Mereka yang memiliki sifat munafik boleh diketahui dengan beberapa tanda seperti berikut:

1. Mendustakan ajaran Islam atau mendustakan sebahagian daripada ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW.
2. Membenci ajaran Islam atau membenci sebahagian ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW.
3. Bergembira dengan kejatuhan agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan umatnya.
4. Membenci dengan kemenangan agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan umatnya.

2. *Nifaq* Kecil (Amalan):



Sabda Rasulullah SAW:

" آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلاَثٌ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ ".

Maksudnya: *"Tanda munafik ada tiga; jika berbicara dia dusta, jika berjanji ia mengingkari dan jika diberi amanah dia khianat."* (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Rasulullah SAW bersabda lagi:

أَرْبَعٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ كَانَ مُنَافِقًا خَالِصًا، وَمَنْ كَانَتْ فِيهِ خَصْلَةٌ مِنْهُنَّ كَانَتْ فِيهِ خَصْلَةٌ مِنَ النِّفَاقِ حَتَّى يَدَعَهَا إِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ وَإِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا عَاهَدَ غَدَرَ، وَإِذَا خَاصَمَ فَجَرَ ".

Maksudnya: *"Ada empat tanda jika seseorang memilikinya maka dia adalah munafik yang sebenar. Jika dia memiliki salah satu tanda tersebut, maka dalam*


dirinya ada tanda kemunafikan sampai dia meninggalkan perilaku tersebut iaitu: jika diberi amanah dia khianat; jika bercakap dia berdusta; jika membuat perjanjian dia memungkiri; jika berselisih dia akan berbuat zalim." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

3.3.1 Perbezaan Antara Nifaq Besar dan Nifaq Kecil

Berikut merupakan antara perbezaannya:

Nifaq Besar	**Nifaq Kecil**
Keluar daripada Islam	Tidak keluar daripada Islam tetapi berdosa besar.
Membatalkan semua amalan	Membatalkan amalan yang berkaitan dengan amalan tersebut sahaja.
Kekal dalam neraka sekiranya mereka tidak bertaubat	Bergantung kepada kehendak Allah SWT sekiranya Allah ingin mengampunkan dosa-dosa tersebut atau sebaliknya.

3.4 Fasik




Fasik dari segi bahasa bermaksud keluar daripada sesuatu. Manakala fasik dari segi istilah bermaksud seorang yang tidak mentaati Allah SWT dengan melakukan dosa besar atau melazimi dosa-dosa kecil dan tidak bertaubat. Firman Allah SWT:

﴿وَلْيَحْكُمْ أَهْلُ الْإِنْجِيلِ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فِيهِ ۚ وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤٧﴾﴾

Maksudnya: *Dan hendaklah Ahli Kitab Injil menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah di dalamnya; dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasik* [al-Maidah: 47]

Fasik terbahagi kepada dua jenis iaitu fasik besar dan fasik kecil. Berikut adalah penerangan berkenaan keduanya:

1. Fasik Besar



Fasik besar adalah perbuatan yang membawa seseorang keluar daripada Islam dan sama tarafnya dengan kufur. Dalam hal ini, Allah SWT menceritakan tentang kefasikan Iblis laknatullah dalam firmanNya:

﴿وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ **فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ** أَفَتَتَّخِذُونَهُ وَذُرِّيَّتَهُ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِي وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ بِئْسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا ﴿٥٠﴾﴾

Maksudnya: *Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam"; lalu mereka sujud melainkan iblis; ia adalah berasal dari golongan jin,* ***lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhannya****. Oleh itu, patutkah kamu hendak menjadikan iblis dan keturunannya sebagai sahabat-sahabat karib yang menjadi pemimpin selain daripadaku? Sedang mereka itu ialah musuh bagi kamu. Amatlah buruknya bagi orang-orang yang zalim: pengganti yang mereka pilih itu* [al-Kahfi: 50]

Dalam ayat tersebut, Allah SWT menjelaskan bahawa Iblis merupakan makhluk yang fasik. Fasik dalam ayat ini membawa maksud kufur kerana mengingkari perintah Allah SWT. Allah SWT menyatakan orang fasik akan masuk ke dalam neraka sepertimana firmanNya:

﴿وَأَمَّا الَّذِينَ فَسَقُوا فَمَأْوَاهُمُ النَّارُ كُلَّمَا أَرَادُوا أَنْ يَخْرُجُوا مِنْهَا أُعِيدُوا فِيهَا وَقِيلَ لَهُمْ ذُوقُوا عَذَابَ النَّارِ الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تُكَذِّبُونَ ﴿٢٠﴾﴾

Maksudnya: *Dan sebaliknya orang-orang yang fasik, maka tempat kediaman mereka ialah neraka; tiap-tiap kali mereka hendak keluar dari neraka itu, mereka dikembalikan kepadanya, serta dikatakan kepada mereka: "Rasalah azab neraka yang kamu sentiasa mendustakannya di dunia dahulu"* [al-Sajdah: 20]

2. Fasik Kecil



Fasik kecil ialah orang yang melakukan dosa-dosa besar atau dosa-dosa kecil secara berterusan yang tidak sampai keluar daripada Islam. Contohnya seperti meminum arak, memakan benda yang haram, berzina, berbohong, mengumpat, mengadu domba, mungkir janji dan sebagainya. Begitu juga orang yang melemparkan tuduhan zina kepada orang lain tanpa membawa empat orang saksi sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ۝٤﴾

Maksudnya: *Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik;* [al-Nur: 4]

Perbezaan antara kedua jenis fasik ini adalah fasik besar tidak akan diampunkan kecuali dengan bersyahadah dan bertaubat sebelum dia meninggal. Sedangkan fasik kecil masih boleh diampunkan oleh Allah SWT dengan bertaubat dan menyesal sebelum dia mati.

MINGGU 8



3.5 Murtad/*Riddah*

Riddah atau murtad dari segi bahasa bermaksud rujuk atau kembali kepada jalan asalnya (kufur). *Riddah* dari segi istilah bermaksud kufur setelah Islam secara sukarela dan tidak ada paksaan. Firman Allah SWT:

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ وَصَدٌّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَكُفْرٌ بِهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ مِنْهُ أَكْبَرُ عِنْدَ اللَّهِ وَالْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا يَزَالُونَ يُقَاتِلُونَكُمْ حَتَّى يَرُدُّوكُمْ عَنْ دِينِكُمْ إِنِ اسْتَطَاعُوا **وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ**﴿٢١٧﴾

Maksudnya: *Mereka bertanya kepadamu (wahai Rasulullah), mengenai (hukum) berperang dalam bulan yang dihormati; katakanlah: "Peperangan dalam bulan itu adalah berdosa besar, tetapi perbuatan menghalangi (orang-orang Islam) dari jalan Allah dan perbuatan kufur kepadaNya, dan juga perbuatan menyekat (orang-orang Islam) ke Masjid Al-Haraam (di Makkah), serta mengusir penduduknya dari situ, (semuanya itu) adalah lebih besar lagi dosanya di sisi Allah. Dan (ingatlah), angkara fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada pembunuhan (semasa perang dalam bulan yang dihormati). Dan mereka (orang-orang kafir itu) sentiasa memerangi kamu hingga mereka (mahu) memalingkan kamu dari ugama kamu kalau mereka sanggup (melakukan yang demikian);* ***dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari ugamanya (ugama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya)*** [al-Baqarah: 217]

3.5.1 Jenis-Jenis MURTAD



Berikut merupakan jenis-jenis Murtad:

1. **Perkataan:** Murtad disebabkan perkataan dan ucapan seperti mencela Allah SWT, mencela Nabi SAW, mengucap kalimah kufur dengan faham dan tiada paksaan.
2. **Perbuatan:** Melakukan perbuatan yang membawa kepada kekufuran seperti sujud kepada makhluk; berhala, cakerawala dan sebagainya, membuat perbuatan yang jelas bercanggah dengan Islam seperti mempersendakan agama atau menghina al-Quran seperti memijak, meletakkan al-Quran di tempat yang kotor dan sebagainya.
3. **Iktikad:** Murtad boleh berlaku dengan iktikad (keyakinan) seperti meyakini bahawa agama, syariat (undang-undang) atau sistem lain lebih baik daripada Islam atau sama tarafnya dengan Islam.
4. **Syak:** Murtad dengan syak seperti seseorang meragui tentang kewajipan agama iaitu meragui kewajiban ibadah solat, puasa, haji, zakat atau ragu tentang dosa yang telah jelas diharamkan oleh Allah SWT seperti berzina, minum arak atau meragui kesesuaian agama Islam untuk setiap masa dan tempat.

3.5.2 Perkara-Perkara Yang Boleh Membawa Kepada Murtad

Terdapat beberapa perkara dan perbuatan yang boleh membawa seseorang terjerumus kepada murtad. Walaubagaimanapun, seseorang itu tidak boleh dikatakan sebagai murtad sekiranya perbuatan yang dilakukannya itu tanpa kefahaman atau jahil. Seseorang individu tidak boleh melabel orang lain sebagai murtad hanya kerana melakukan perbuatan yang ‘kelihatan’ membawa kepada murtad kerana ia bukan dalam bidang kuasanya. Sebaliknya, individu tersebut hendaklah memberi nasihat dan teguran supaya tidak dilakukan perbuatan itu pada masa hadapan. Adapun kuasa untuk menentukan sama ada seseorang itu terkeluar daripada agama Islam dan berlakunya murtad perlu diputuskan oleh mahkamah.

Berikut adalah perkara dan perbuatan yang boleh membawa kepada murtad, antaranya:

1. Mengejek dan mempersendakan Allah SWT, para rasul dan al-Quran serta tidak mempercayai alam ghaib yang sabit dengan nas al-Quran dan hadis. Firman Allah SWT:

﴿وَلَئِنْ سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلْعَبُ ۚ قُلْ أَبِاللَّهِ وَآيَاتِهِ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِئُونَ ﴿٦٥﴾ لَا تَعْتَذِرُوا قَدْ كَفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ ۚ إِنْ نَعْفُ عَنْ طَائِفَةٍ مِنْكُمْ نُعَذِّبْ طَائِفَةً بِأَنَّهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ ﴿٦٦﴾﴾

Maksudnya: *Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: "Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main". Katakanlah: "Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?"*
Janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman. Jika Kami maafkan sepuak dari kamu (kerana mereka bertaubat), maka Kami akan menyeksa puak yang lain, kerana mereka adalah orang-orang yang terus bersalah. [At-Tauba: 65-66]

2. Sekiranya ada seseorang yang menjadikan perantaraan di antara dia dengan Allah untuk melaksanakan ibadah demi mendekatkan diri kepada Allah, lalu dia memohon kepada perantara tersebut untuk mendapat syafaat dan bertawakkal kepadanya. Maka perbuatan tersebut boleh membawa kepada dosa besar yang boleh terkeluar daripada Islam. Contohnya, seperti seseorang yang pergi ke tempat keramat dan memohon daripada tempat tersebut untuk mendapatkan kebaikan dan menghindarkan dari keburukan dan mereka berserah kepada perantaraan tersebut untuk mendapatkan hajat mereka di sisi Allah sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَيَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هَؤُلَاءِ شُفَعَاؤُنَا عِنْدَ اللَّهِ ۚ قُلْ أَتُنَبِّئُونَ اللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ ۚ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٨﴾﴾

Maksudnya: *Dan mereka menyembah yang lain dari Allah, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan tidak dapat mendatangkan manfaat kepada mereka dan mereka pula berkata: "Mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah". Katakanlah (wahai Muhammad): "Adakah kamu hendak memberitahu kepada Allah akan apa yang Ia tidak mengetahui adanya di langit dan di bumi (padahal Allah mengetahui segala-galanya)? Maha Suci Allah dan tertinggi keadaanNya dari apa yang mereka sekutukan."* [Yunus: 18]

Firman Allah lagi:

﴿أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ ۚ وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَاذِبٌ كَفَّارٌ ﴿٣﴾﴾

Maksudnya: *Ingatlah! (Hak yang wajib dipersembahkan) kepada Allah ialah segala ibadat dan bawaan yang suci bersih (dari segala rupa syirik). Dan orang-orang musyrik yang mengambil selain dari Allah untuk menjadi pelindung dan penolong (sambil berkata): "Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sehampir-hampirnya", - sesungguhnya Allah akan menghukum di antara mereka (dengan orang-orang yang tidak melakukan syirik) tentang apa yang mereka berselisihan padanya. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang tetap berdusta (mengatakan yang bukan-bukan), lagi sentiasa kufur (dengan melakukan syirik)* [Az-Zumar: 3]

Adapun orang-orang yang menjadikan perantara antara dirinya dengan Allah dan berkeyakinan bahawa dia (perantara) adalah sebagai sebab semata-mata serta tidak memohon kepada selain daripada Allah dan dia beriktikad bahawa ibadah hanyalah untuk Allah semata-mata. Namun, dia berdoa dengan menyebut bahawa “ya Allah, ya Tuhanku, aku memohon kepadaMu dengan nama si fulan.. atau dengan kedudukan si fulan.. di sisiMu” maka amalan dan perbuatan tersebut adalah perbuatan *bid’ah* dan merupakan jalan yang boleh membawa kepada syirik yang besar.

3. Orang yang berkeyakinan bahawa ada ajaran lain yang lebih baik dan sempurna daripada ajaran dan syariat dibawa oleh Nabi Muhammad SAW atau orang yang berkeyakinan bahawa undang-undang dan syariat lain lebih baik daripada syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Contohnya, seperti orang yang meletakkan undang-undang ciptaan manusia lebih tinggi daripada undang-undang yang dibawa oleh syarak sebagaimana firman Allah SWT:

﴿فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾﴾

Maksudnya: *Maka demi Tuhanmu (wahai Rasulullah)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak*

merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya [An-Nisaa: 65]

4. Orang yang membenci sesuatu yang telah dibawa oleh Nabi SAW walaupun dia mengamalkannya seperti seseorang yang mengerjakan solat, puasa, zakat, haji dan hukum hakam tetapi mereka tidak menyukainya sebagaimana yang telah berlaku terhadap golongan munafik pada zaman Rasulullah SAW. Firman Allah SWT:

﴿وَالَّذِينَ كَفَرُوا فَتَعْسًا لَهُمْ وَأَضَلَّ أَعْمَالَهُمْ ۝٨ **ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَرِهُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأَحْبَطَ أَعْمَالَهُمْ** ۝٩﴾

Maksudnya: *Dan (sebaliknya) orang-orang yang kafir, maka kecelakaanlah bagi mereka, dan (Allah) mensia-siakan amal-amal mereka. Berlakunya yang demikian, kerana* ***sesungguhnya mereka tidak menyukai apa yang diturunkan oleh Allah (mengenai ajaran tauhid dan hukum-hukum syarak yang diterangkan di dalam Al-Quran), lalu Allah menggugurkan amal-amal mereka*** [Muhammad: 8-9]

Firman Allah SWT lagi:

﴿وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِلَىٰ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَإِلَى الرَّسُولِ رَأَيْتَ الْمُنَافِقِينَ يَصُدُّونَ عَنْكَ صُدُودًا ۝٦١﴾

Maksudnya: *Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Marilah berhakim kepada hukum Al-Quran yang telah diturunkan oleh Allah dan kepada hukum Rasulullah," nescaya engkau melihat orang-orang munafik itu berpaling serta menghalang (manusia) dengan bersungguh-sungguh daripada menghampirimu*. [An-Nisaa: 61]

5. Sihir. Sama ada sihir benci atau sihir kasih. Sesiapa yang melakukannya atau redha dengan perbuatan tersebut boleh jatuh kepada kekufuran. Firman Allah SWT:

﴿وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أُنْزِلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ

وَزَوْجِهِ ۚ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۚ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ ۚ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلَاقٍ ۚ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ ۚ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: *Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya); kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata: "Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)". Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah. Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telahpun mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat. Demi sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui.* [Al-Baqara: 102]

6. Membantu golongan kuffar dan golongan yang menentang Islam dan umatnya.

   Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ أَوْلِيَاءَ ۘ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۚ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِنْكُمْ فَإِنَّهُ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥١﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai teman rapat, kerana setengah mereka menjadi teman rapat kepada setengahnya yang lain; dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim.* [Al-Maidah: 51]

Firman Allah SWT lagi:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَاءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِمْ بِالْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا بِمَا جَاءَكُمْ مِنَ الْحَقِّ يُخْرِجُونَ الرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَنْ تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ رَبِّكُمْ إِنْ

كُنْتُمْ خَرَجْتُمْ جِهَادًا فِي سَبِيلِي وَابْتِغَاءَ مَرْضَاتِي تُسِرُّونَ إِلَيْهِمْ بِالْمَوَدَّةِ وَأَنَا أَعْلَمُ بِمَا أَخْفَيْتُمْ وَمَا أَعْلَنْتُمْ وَمَنْ يَفْعَلْهُ مِنْكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ﴿١﴾﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuh kamu menjadi teman rapat, dengan cara kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita rahsia orang-orang mukmin) dengan sebab hubungan baik dan kasih mesra yang ada di antara kamu dengan mereka, sedang mereka telah kufur ingkar terhadap kebenaran (Islam) yang sampai kepada kamu; mereka pula telah mengeluarkan Rasulullah SAW dan juga mengeluarkan kamu (dari Tanah Suci Makkah) disebabkan kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu. (Janganlah kamu berbuat demikian) jika betul kamu keluar untuk berjihad pada jalanKu dan untuk mencari keredaanKu. (Tidak ada sebarang faedahnya) kamu mengadakan hubungan kasih mesra dengan mereka secara rahsia, sedang Aku amat mengetahui akan apa yang kamu rahsiakan dan apa yang kamu zahirkan. Dan (ingatlah), sesiapa di antara kamu yang melakukan perkara yang demikian, maka sesungguhnya telah sesatlah ia dari jalan yang betul* [Al-Mumtahana: 1]

Firman Allah SWT lagi:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَكُمْ هُزُوًا وَلَعِبًا مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَالْكُفَّارَ أَوْلِيَاءَ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ﴿٥٧﴾﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang menjadikan ugama kamu sebagai ejek-ejekan dan permainan - dari orang-orang yang telah diberikan Kitab sebelum kamu, dan orang-orang kafir musyrik itu: menjadi penolong-penolong; dan bertaqwalah kepada Allah, jika kamu benar-benar orang yang beriman.* [Al-Maidah: 57]

7. Orang-orang yang berkeyakinan bahawa ada orang yang boleh meninggalkan sebahagian syariat Islam. Firman Allah SWT:

﴿قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ﴿١٥٨﴾﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (di utus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk."* [Al-A'raf: 158]

Seterusnya Allah SWT berfirman lagi:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ﴿٢٨﴾﴾

Maksudnya: *Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Rasulullah) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)* [Saba: 28]

8. Tidak mahu kepada Islam atau meninggalkan agama dengan cara tidak belajar dan mengamalkannya seperti enggan mendengar atau belajar tetapi syak dan ragu terhadap Islam. Firman Allah SWT:

﴿وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَا إِنَّا مِنَ الْمُجْرِمِينَ مُنْتَقِمُونَ﴿٢٢﴾﴾

Maksudnya: *Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang diberi ingat dengan ayat-ayat Tuhannya, kemudian ia berpaling daripadanya (dan tetap mengingkarinya); sesungguhnya Kami tetap membalas.* [As-Sajda: 22]

Firman Allah SWT lagi:

﴿وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ فَأَعْرَضَ عَنْهَا وَنَسِيَ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ إِنَّا جَعَلْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَنْ يَفْقَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ وَقْرًا وَإِنْ تَدْعُهُمْ إِلَى الْهُدَى فَلَنْ يَهْتَدُوا إِذًا أَبَدًا﴿٥٧﴾﴾

Maksudnya: *Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang diberi ingat dengan ayat-ayat Tuhannya, lalu ia berpaling daripadanya dan lupa akan apa yang telah dilakukan oleh kedua tangannya; sesungguhnya (disebabkan bawaan mereka yang buruk itu) Kami jadikan tutupan berlapis-lapis atas hati mereka, menghalang mereka daripada memahaminya, dan (Kami jadikan) pada telinga mereka penyumbat (yang menyebabkan mereka pekak). Dan jika engkau menyeru mereka kepada petunjuk, maka dengan keadaan yang demikian, mereka tidak sekali-kali akan beroleh hidayah petunjuk selama-lamanya.* [Al-Kahf: 57]

3.5.3 Hukum-Hukum Berkaitan Murtad

Berikut merupakan hukum-hukum berkaitan murtad:




Semua perkara yang telah disebut di atas merupakan perbuatan-perbuatan yang boleh merosakkan akidah dan iman seseorang, bahkan boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam, iaitu perbuatan riddah/murtad. Hal ini berlaku sekiranya perbuatan tersebut dilakukan dalam keadaan sedar dan mengetahui serta memahami akibat daripada perbuatan tersebut.

مودول کفهمن اسلام

Modul KEFAHAMAN ISLAM

TUNTUTAN 2 KALIMAH SYAHADAH DAN PERKARA-PERKARA YANG MEROSAKKANNYA



IMBAS QR DIBAWAH !

Tingkat Bawah Blok Dewan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan Darulnaim.
Tel: 09-747 0919 | Faks: 09-747 1045 | Emel: iptg.kel@gmail.com